



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 30 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROJEK TANAMAN JAGUNG PPK TANJUNG IPOH JADI PERINTIS PPK SELURUH NEGARA, ONLINE, BERNAMA	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
2.	BIMBING PELADANG MUDA, NEGERI, SINAR HARIAN-33	
3.	800 NELAYAN PANTAI DAPAT MANFAAT, NASIONAL, HAKAKAH-7	
4.	DENDA CEROBOH PERAIRAN MALAYSIA RM6 JUTA, NEGERI, HAKAKAH-13	
5.	MAQIS FOILS ATTEMPT TO SMUGGLE IN OVER RM5K WORTH OF BEEF GELATINE, ONLINE, THE STAR	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6.	HANTAR POKOK KAKTUS, TELUR AYAM GUNA POS, NEGARA, KOSMO-18	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7.	NAFAS BAHARU GOLONGAN PENTERNAK, NASIONAL, SINAR HARIAN-8	
8.	DAHULU TANAH TERBIAR, SEKARANG BENDANG PADI, NEGERI, HAKAKAH-16	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	PENTERNAK SEDIH LEMBU TIDAK LAKU, NEGERI, KOSMO-2	LAIN-LAIN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2020	BERNAMA	ONLINE	

PROJEK TANAMAN JAGUNG PPK TANJUNG IPOH JADI PERINTIS PPK SELURUH NEGARA



KUALA PILAH, 29 Julai -- Projek Tanaman Jagung Manis yang diusahakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Ipoh, di sini melalui Skim Kredit Ladang Terselia (SKLT), akan menjadi perintis kepada PPK di seluruh negara, dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap import bekalan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata model yang dilaksanakan PPK Tanjung Ipoh itu juga mampu meningkatkan hasil pendapatan dalam kalangan peladang di samping melahirkan usahawan muda.

"SKLT merupakan antara model perancangan pengoperasian dan pemasaran hasil projek yang diuruskan oleh PPK, projek ini adalah untuk kita bangunkan tanah-tanah terbiar, memupuk minat kepada belia untuk sertai bidang pertanian. Dengan adanya hasil dari tanaman ini juga kita dapat bantu pertumbuhan ekonomi negara dan Keluaran Dalam Negara Kasar negara sekali gus mengurangkan apa jua import dan imbalan dagangan.

Pada ketika ini, daripada 200 ekar (80.9 hektar) tanaman jagung di Tanjung Ipoh ini, 95 ekar (38.4 hektar) daripadanya adalah di bawah SKLT yang melibatkan seramai 21 ahli peladang termasuk 15 usahawan muda," katanya selepas melakukan lawatan kerja ke Projek Tanaman Jagung Manis Pertubuhan Peladang Kawasan Tanjung Ipoh, hari ini.

Turut hadir Ahli Parlimen Kuala Pilah Datuk Eddin Syazlee Shith merangkap Timbalan Menteri Kerja Raya.

Katanya kelebihan tanaman jagung manis di kawasan ini kerana tanaman dilakukan secara berkelompok, dalam kawasan yang luas dan mempunyai pasaran tersendiri.

Terdahulu, Ahmad ketika membacakan teks ucapan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata kementerian sentiasa memberi perhatian serius agar industri tanaman jagung ini terus berkembang.

"Saya amat menyokong usaha proaktif Pertubuhan Peladang di dalam memantau dan membimbing usahawan-usahawan bagi memastikan bekalan jagung mendapat permintaan tinggi di dalam pasaran.

"Kementerian melalui Unit Agropreneur Muda dan Agrobank juga akan terus memberi bantuan dan kemudahan pembiayaan supaya lebih ramai pengusaha terutamanya anak-anak muda menceburi bidang ini.

Projek ini boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan kerana ianya mempunyai potensi sebagai produk utama dan hiliran negara," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2020	SINAR HARIAN	NEGERI	33

Bimbing peladang muda



Ahmed (dua dari kiri) menunjukkan jagung manis yang dipetik di ladang jagung PPK Tanjung Ipoh.

Projek tanaman jagung manis PPK Tanjung Ipoh jadi perintis

Oleh NORAFIDAH ASSAN

KUALA PILAH

Projek tanaman jagung manis melalui Skim Kredit Ladang Terselia (SKLT) yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjung Ipoh akan menjadi perintis kepada PPK di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, model yang dilaksanakan PPK Tanjung Ipoh ini mampu meningkatkan hasil pendapatan dalam kalangan peladang di samping melabirkan usahawan muda.

"SKLT merupakan antara model perancangan pengoperasian dan pemasaran hasil projek yang diuruskan oleh PPK yang mana projek ini untuk kita bangunkan tanah-tanah terbiar selain memberi minat kepada belia untuk sertai bidang pertanian.

"Dengan adanya hasil daripada tanaman ini kita dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNEK) negara sekaligus mengurangkan apa juga import dan imbalan dagangan," katanya dalam sidang akhbar ketika mengadakan lawatan kerja ke Projek Tanaman Jagung Manis Pertubuhan Peladang Kawasan Tanjung Ipoh, Kuala Pilah di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Kuala Pilah, Datuk Eddin Syazlee Shith; Ketua Pengarah LPP, Azulita Salim dan Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Tanjung Ipoh merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Menanti, Datuk Abd Samad Ibrahim.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kelebihan tanaman jagung manis di kawasan itu yang diusahakan oleh PPK Tanjung Ipoh mempunyai kawasan luas, ditanam secara berkelompok dan mempunyai pasaran tersendiri.

"Daripada 200 ekar tanaman jagung manis di sini, 95 ekar adalah di bawah SKLT melibatkan seramai 21 ahli peladang termasuk 15 usahawan muda," katanya.

Terdahulu, Ahmad ketika membacakan teks ucapan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, Kementerian sentiasa memberi perhatian serius agar industri tanaman jagung ini terus berkembang.

"Saya amat menyokong usaha proaktif Pertubuhan Peladang di dalam memantau dan membimbing usahawan bagi memastikan bekalan jagung mendapat permintaan tinggi di dalam pasaran.

"Kementerian melalui Unit Agropreneur Muda dan Agrobank juga akari terus memberi bantuan dan kemudahan pembiayaan supaya lebih ramai pengusaha terutamanya anak-anak muda menceburi bidang ini.

"Projek ini boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan kerana ia mempunyai potensi sebagai produk utama dan hiliran negara," katanya.

800 nelayan pantai dapat manfaat

Oleh HIDAYAH AZLIN dan AWANG HARUN

DUNGUN: Kerajaan Persekutuan mengumumkan akan membuka semula permohonan Lesen Nelayan Sampan Zon A bagi kategori pesisir pantai, melegakan lebih 800 nelayan aktif dan tulin di Terengganu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata, Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) Malaysia melalui Jabatan Perikanan Malaysia, akan membuka semula Lesen Nelayan Sampan Zon A tersebut.

Menurutnya, pemberian lesen vesel nelayan kelas A itu bertujuan memudahkan urusan perlindungan insurans dan elaan sara hidup warga nelayan yang turun ke laut dengan risiko sendiri.

Malah, katanya pemutihan akan dilakukan semula



Exco Kerajaan Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim.

oleh Jabatan Perikanan Malaysia terhadap pemegang lesen sedia ada itu.

"Kita melihat bahawa ramai nelayan tulin bukan sahaja di Terengganu tetapi di negeri lain yang tidak mempunyai lesen dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang berlesen bukan nelayan tulin.

"Dalam proses melesenkan nelayan tulin, pihak

Jabatan Perikanan Malaysia juga akan melakukan pemutihan terhadap pemegang lesen yang ada sekarang ini.

"Kita akan mewujudkan satu 'database' zon A yang melibatkan pemutihan dan pemberian lesen di mana di Negeri Terengganu sendiri lebih 800 nelayan sampan akan menerima manfaat," ujarnya.

Bellau berkata demikian sempena Sesi 'walkabout' dan Ramah Mesra Bersama Nelayan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Dungun, 26 Julai lalu.

Sahubungan itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim merakamkan, ucapan terima kasih kepada MAFI yang memberi perhatian terhadap masalah nelayan negeri ini.

"Saya berterima kasih

kepada pihak MAFI khususnya Jabatan Perikanan Malaysia di atas respon yang sangat positif, untuk menyelesaikan isu yang dihadapi nelayan kita, yang mana didapati sebahagian besar daripada mereka ada yang (kerja) ke laut sejak muda sampai ke tua tetapi tidak berlesen.

"Di pihak kerajaan negeri kita melihat isu nelayan sampan atau nelayan zon A yang tiada lesen ini sebagai isu lapuk yang perlu diselesaikan," ujarnya kepada pemberita.

Justeru, kata Dr Azman, kerajaan negeri telah menubuhkan 'task force' bersama jabatan berautoriti dan berkaitan termasuk Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Terengganu, LKIM Negeri Terengganu dan juga persatuan-persatuan nelayan yang dirusestikan oleh kerajaan negeri bagi mengatasi masalah ini.

"Sebelum ini, kita telah buat dua kali mesyuarat dan proses pemutihan di peringkat negeri dan selepas pemutihan akhirnya kita keluarkan sekitar 800 lebih nelayan sampan yang tidak berlesen dan telah diangkat permohonan kepada pihak kementerian," jelasnya.

Katanya, nelayan yang tidak berlesen terdedah kepada pelbagai risiko diantaranya jika terlibat dengan kemalangan atau bencana di laut tidak ada suatu perlindungan yang boleh melindungi mereka.

"Mereka juga tidak dapat faedah seperti elaan sara hidup nelayan, subsidi minyak dan sebagainya.

"Apa yang merugikan negeri kita ialah bila tangkapan dibuat oleh nelayan tidak berlesen bermakna hasil tangkapan mereka tidak direkodkan," ujarnya. Menurutnya, bellau

dimaklumkan oleh pihak kementerian bahawa Terengganu adalah negeri pertama yang ambil langkah 'bottom to top' dengan mengambil inisiatif sendiri cuba menyelesaikan isu ini dengan membawanya kepada peringkat kementerian.

Selain itu katanya, kerajaan negeri turut menekankan kepada program memperkaya sumber perikanan seiring dengan pemberian lesen kepada nelayan.

"Dalam usaha kita (kerajaan) menambahkan bilangan nelayan yang mempunyai lesen, dalam masa yang sama sumber perikanan turut diberi perhatian melalui program melabuhkan tukun dan unjam," jelasnya.

Hadir sama pada majlis itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sura, Cikgu Wan Hapandi Wan Nik dan ADUN Rantau Abang, Cikgu Aftos Harun.



Che Abdullah Mat Nawi menunjukkan bot milik nelayan asing yang akan ditenggelamkan.

Denda ceroboh perairan Malaysia RM6 juta

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Kerajaan memandang serius isu pencerobohan bot nelayan asing di perairan negara kerana ia mengakibatkan ketirisan hasil laut.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, dianggarkan ketirisan berlaku berjumlah RM6 bilion setahun.

Katanya, pencerobohan yang berlaku itu memberi kesan kepada ekonomi rakyat Malaysia.

"Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perikanan Malaysia komited melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan.

"Ia turut membabitkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bagi memberantas

pencerobohan bot asing terutamanya di perairan Pantai Timur," katanya selepas menyaksikan pelupusan tukun tiruan di Medan Ikan Bakar (MIB) baru-baru ini.

Tiga bot nelayan asing yang dirampas dan dilucut hak di bawah Akta Perikanan 1985 dilupuskan bagi tujuan pemuliharaan sumber stok ikan.

Dua bot jenis pukat jerut dan pukat tunda itu ditenggelamkan sebagai tukun tiruan kira-kira lima batu nautika di perairan Kuala Besar.

Che Abdullah juga berkata, pelupusan bot rampasan sebagai amaran dan pengajaran kepada mana-mana bot asing yang cuba menceroboh perairan Malaysia.

Kata beliau Rang Undang-Undang (RUU) Perikanan (Pindaan 2019) sudah mendapat kelulusan Parlimen bagi meningkatkan kadar denda dan mengekang

pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

"Ia membabitkan denda maksimum bagi nakhoda bot asing yang menceroboh perairan Malaysia dinaikkan daripada RM1 juta kepada RM6 juta.

"Selain penalti bagi setiap anggota kru juga dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM600,000.

"Sepanjang tahun ini sebanyak 13 bot nelayan asing yang dirampas dan dilucut hak ditenggelamkan di seluruh negara," katanya.

Menurutnya juga Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) dan Jabatan Perikanan Malaysia menjalankan kajian bot rampasan milik nelayan asing yang dijadikan tukun tiruan dan impak kepada sumber perikanan.

Selain itu memberi manfaat kepada nelayan tempatan sebagai habitat perikanan yang baharu.



Bot milik nelayan asing yang dilucut hak akan ditenggelamkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2020	THE STAR	ONLINE	

MAQIS FOILS ATTEMPT TO SMUGGLE IN OVER RM5K WORTH OF BEEF GELATINE

ISKANDAR PUTERI: The Johor Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) has stopped an attempt to smuggle in more than RM5,000 worth of beef gelatine through Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB). State director Nur Affah A. Rahman said the department inspected a lorry at the Import lane inside KSAB at around 5pm Tuesday (July 28).

“Checks inside the lorry found 50 small packages weighing about 50kg containing beef gelatine worth about RM5,231.

“The gelatine was put inside two boxes and placed together with other trading items,” she said in a statement here Wednesday (July 29). Nur Afifah added that the gelatine was brought in from Singapore without any import permit and health certificate.

She pointed out that gelatine was used as an added ingredient in making pastries and cakes.

“The department has detained the consignment for further investigation, while the 33-year-old driver has been released after his statement was recorded,” she added.

Nur Afifah said any action of importing any agricultural produce without valid import permits from Maqis was an offence under Section 11(1) of the Malaysia Quarantine and Inspection Services 2011 (Act 728).

She stressed that Maqis was always committed in carrying out checks and enforcement at entry points to ensure the safety of agricultural produce entering the country and that it adhered to the rules and regulations.

Meanwhile, in an unrelated case, police detained a 29-year-old man for allegedly being a member of a secret society in Taman Tan Sri Yaakob in Skudal.

Iskandar Puteri OCPD Asst Comm Dzulkhalri Mukhtar said the suspect was arrested at around 8.15pm when police spotted him while patrolling at around 8.15pm on Tuesday night.

“A check on the suspect’s body found a tattoo of the number ‘21’ on his left arm, which shows he is affiliated with a secret society,” he said here Wednesday.

He added that further investigations found the suspect has a criminal record related to drugs, but tested negative for illegal substances.

ACP Dzulkhalri said the suspect was under remand until this Friday (July 31) to assist in investigations.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2020	KOSMO	NEGERA	18

Hantar pokok kaktus, telur ayam guna pos

Oleh SYALMIZI HAMD

SEBERANG PERAI - Pokok kaktus dan telur ayam antara barang yang dirampas oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) selepas melakukan pemeriksaan di Pejabat Pos Malaysia, Bukit Mertajam di sini kelmarin.

Kesemua barangan tersebut termasuk anak pokok hiasan dan paket makanan tambahan yang dikategorikan sebagai barangan keluaran pertanian dan haiwan dikatakan cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa dokumen yang sah.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia melakukan rampasan barangan berkenaan selepas membuat pemeriksaan ke atas mel dan kurier pos di pejabat pos itu.

"Pemeriksaan ke atas bungkusan milik seorang warga tempatan didapati mengandungi 205 pokok kaktus, 89.72 kilogram anak pokok bunga hiasan dan 124 bekas produk berasaskan najis lembu bernilai RM1,960 yang dikirim dari Thailand dan India.

"Terdapat satu lagi kes yang mengimport secara kurier 15 biji telur ayam dari Jepun tanpa sebarang dokumen import yang sah untuk kegunaan persendirian.



SEBAHAGIAN daripada telur ayam dan pokok kaktus yang dirampas di sebuah pejabat pos di Bukit Mertajam kelmarin.

"Turut dirampas adalah 20 paket makanan tambahan untuk udang bernilai RM280 yang diimport dari Thailand milik pasangan warga tempatan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Zarina berkata, pihaknya mendapati pengimportan barangan tersebut dibuat tanpa mempunyai sebarang dokumen yang sah seperti permit import dan Sijil Akta Makanan Haiwan 2008.

Menurutnya, tindakan itu adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

Jika sabit kesalahan, individu boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Nafas baharu golongan penternak

Kebenaran lakukan ibadah korban disambut baik walau dalam skala sederhana

Oleh ZUBIR SULAIMAN

PENGUMUMAN kerajaan yang membenarkan sambutan Hari Raya Aidiladha diteruskan nyata memberikan kegemilangan buat umat Islam di Malaysia tatkala negara kini berada di fasa pemulihan penularan pandemik Covid-19 yang melanda dunia sejak lebih lima bulan lalu.

Berita gembira itu turut memberi sinar baharu buat pengusaha dan penternak haiwan apabila ibadah korban yang dibenarkan pada Aidiladha nanti perlu mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Rata-rata pengusaha dan penternak menyambut baik pengumuman itu dan mengakui mereka tidak berdepan masalah untuk menyediakan bekalan. Namun terpaksa menghadkan permintaan pelanggan ekoran perlu mematuhi SOP.

Pengurus Gombak Agro Farm, Abdul Aziz Noor Azudin bersyukur kerana pihaknya masih mampu menyediakan perkhidmatan yang disediakan setiap tahun itu kepada pelanggan-walaupun permintaan sedikit menurun berbanding tahun lalu.

Menurutnya, jualan lembu dan kambing bagi ibadah korban tahun ini susut hampir 50 peratus berbanding jualan mampu memecah 900 sehingga ke 1,000 ekor.

"Tahun ini, kita hanya menghadkan penjualan kepada 300 ekor lembu dan kambing, ini bukan kerana kita kekurangan bekalan tetapi disebabkan SOP yang perlu semua pihak ikuti termasuk penternak.

"Hanya masjid yang dibenarkan melaksanakan solat Jumaat sahaja boleh melakukan ibadah korban dan pusat-pusat sembelihan yang diiktiraf.

"Situasi itu juga menyebabkan permintaan berkurangan, selain aktiviti seumpamanya

Wabah coronavirus (Covid-19) membawa kesan besar kepada ekonomi di seluruh dunia. Di Malaysia, industri pertanian dan makanan antara sektor yang terkesan dan memerlukan sokongan serta bantuan modal demi memastikan kelangsungan dan jaminan bekalan makanan yang berterusan.

Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan kerajaan termasuk bagi industri pertanian dan makanan boleh menjadi modal pusingan untuk golongan peladang, petani dan nelayan memulakan aktiviti masing-masing selepas semua sektor ekonomi dibuka.

Sebanyak RM400 juta diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi tiga bantuan khusus sektor berkenaan iaitu Skim Pembiayaan Mikroredit di bawah Agrobank, insentif memudahkan cara mobiliti kerja pertanian kepada

syarikat perantis dan sumbangan in-kind bagi menyokong pertanian bandar.

Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee menyifatkan inisiatif PENJANA itu sebagai satu pelan komprehensif dan bertepatan bagi membantu memulihkan dan merencanakan semula sektor ekonomi termasuk agromakanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menurutnya, pengumuman bantuan strategik menerusi PENJANA dilihat bukan sahaja membantu rakyat sepanjang tempoh pemulihan ekonomi yang bersifat fiskal tetapi dapat melonjakkan sektor agromakanan negara.

Suntikan dana itu turut menyokong golongan petani, penternak dan peladang yang terjejas untuk bangkit semula dan meneruskan perjuangan bagi menjadikan industri pertanian dan makanan terus berkembang dan menjamin keperluan rakyat Malaysia pada masa akan datang.



Mohd Amirul memastikan lembu-lembu yang diternaknya mendapat bekalan yang mencukupi dan berkualiti.

tidak dapat dilaksanakan di surau-suru sebagaimana sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Aziz berkata, pihaknya perlu menyusun slot bagi melakukan kerja-kerja penyembelihan di ladang milik syarikat.

Walaupun berdepan sedikit kesukaran kerana haiwan ternakan itu hanya diserahkan kepada pihak masjid atau surau untuk mereka melaksanakan penyembelihan, namun SOP itu diikuti sebaik mungkin.

Simpan bekalan

Pengurus Operasi M-Bazar Sdn Bhd, Saiful Zakuan Samah memberitahu, tahun ini mereka sekadar mampu menyediakan sebanyak 113 ekor

lembu untuk tujuan ibadah korban di sekitar Lembah Klang dan Pontian, Johor.

Katanya, pihaknya juga terpaksa berdepan dengan kos-kos tambahan lain apabila terpaksa menyimpan bekalan yang berlebihan untuk tahun depan.

"Sebaik pengumuman ibadah korban dikeluarkan, permintaannya sangat tinggi sehingga memaksa kami untuk mencari bekalan tambahan, bagaimanapun pelanggan terpaksa membatalkan hajat mereka disebabkan SOP penyembelihan yang ketat.

"Jadi kami perlu akur dan terpaksa menanggung kos-kos lain untuk jangka masa setahun lagi termasuklah kos menyimpan haiwan ternakan ini lebih RM6 sehari bagi seekor lembu," katanya.

Pihaknya juga telah mengemukakan kos semua garis panduan yang diperlukan termasuk keadaan kawasan penyembelihan, peralatan, tenaga kerja (20 orang), *swab test* dan sebagainya ke Jabatan Veterinar Selangor.

Pengusaha lembu 'Sado' di Terengganu, Mohd Amirul Ibrahim mengakui, jualan tahun ini meningkat sekali ganda berbanding tahun lalu dan pihaknya terpaksa menolak permintaan pada saat-saat akhir disebabkan kekurangan bekalan.

Menurutnya, jualan daripada kandangnya kini melebihi 200 ekor berbanding 100 ekor pada tahun lalu sambil menyifatkan faktor peningkatan itu berlaku disebabkan umat Islam tidak dapat mengerjakan ibadah haji musim ini.

"Alhamdulillah, selepas kerajaan membenarkan ibadah korban, kami mendapat permintaan yang tinggi bukan sahaja dalam kalangan masyarakat

setempat bahkan agensi-agensi kerajaan dan juga swasta walaupun harganya sedikit meningkat berbanding sebelum ini.

"Bagaimanapun, kami masih perlu mengikuti SOP yang telah ditetapkan oleh pihak majlis agama negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kemudahan rumah penyembelihan di setiap daerah juga memudahkan lagi orang ramai untuk melakukan ibadah korban," katanya.

SOP IBADAH KORBAN

Waktu operasi: Selepas solat sunat Hari Raya Aidiladha dan tiga hari tasyrik (6 pagi - 6 petang) Lokasi penyembelihan:

- Rumah sembelihan (Abattoir) - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) (28 buah)
- Rumah penyembelihan ruminan swasta yang dilisensikan DVS (31 buah)
- Masjid dan surau dengan kelulusan pihak berkuasa agama negeri serta kawasan lain dengan kelulusan pihak berkuasa tempatan.

Aktiviti dan protokol

1. Pelaksanaan penyembelihan korban

- Mendapat Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) dan permit penyembelihan ternakan dari Pejabat Veterinar Negeri atau Daerah
- Tapak penyembelihan yang sesuai, berhal dan selamat serta tidak bertampan salinan awam
- Melaporkan program korban yang akan dijalankan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)
- Proses sembelihan, melapah dan kafiran aas dilaksanakan di lokasi penyembelihan yang dibenarkan
- Elektra 3S (Sesak, Sempi dan Sembang dekat)

2. Agihan bahagian peserta

- Agihan oleh petugas: Penghantaran secara langsung kepada peserta dan fakir miskin berdasarkan senarai nama yang ditetapkan.
- Agihan dengan kehadiran peserta: Jumlah kehadiran pengambilan bahagian peserta tertakluk kepada keluasan kawasan dan olakkan 3S

3. Pemeriksaan deging oleh DVS:

- Proses penyembelihan mematuhi Kaedah-kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan) 2009 dan Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban

4. Kawalan jangkitan

- Mengedarkan kaunter di pintu masuk bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta rakod kehadiran jemaah
- Penjarakan sosial 1 meter, memakai pelitup muka dan serung tangan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2020	HARAKAH	NEGERI	16

Dahulu tanah terbiar, sekarang bendang padi

AYER LIMAU: Usaha seorang petani, Abdul Aziz Abdullah, 45 di Kampung Sungai Siput, Lubok Cina berulang alik ke Sekinchan, Selangor lima tahun lalu kini membuahkan hasil lumayan.

Mulai 2015 beliau berulang alik kira-kira 460 kilometer ke Sekinchan mempelajari teknik penanaman padi.

Beliau juga membelanjakan RM90,000 untuk membersihkan hutan di kawasan tanah terbiar seluas kira-kira 34.4 hektar milik penduduk kampung.

iSeramai 42 pemilik tanah bersetuju menyewakan tanah ini kepada saya untuk diusahakan menjadi estet padi.

iUsaha yang saya mulakan pada 2015, memberikan peluang kepada saya mula menanam padi pada 2016.

"Bagaimanapun saya tidak menghasilkan padi yang diproses menjadi beras, sebaliknya mengikat perjanjian dengan syarikat di Muar untuk menghasilkan benih padi," katanya kepada Melaka Hari Ini baru-baru ini.

Padi yang dihasilkan Abdul Aziz diproses menjadi benih berkualiti.

Menurutnya syarikat berkenaan memintanya menanam padi jenis MR269

yang dihasilkan melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Katanya, bantuan subsidi baja dan racun oleh kerajaan membolehkan beliau mengusahakan penanaman padi dua kali setahun.

"Kerja penyediaan tapak penanaman selama dua



Abdul Aziz Abdullah.

bulan membabitkan kerja membajak, menjemur tanah dan putar kering sebanyak tiga kali sebelum menyalurkan air dari tali air ke petak sawah.

"Selepas itu saya menjalankan proses sisir, iaitu meratakan air supaya ia sekata dalam setiap petak sebelum mula menanam padi," katanya.

Beliau berkata, bagi musim pertama pada 2016 beliau memperoleh 150 tan padi dan ia meningkat kepada 160 tan pada tahun.

Abdul Aziz juga menyewa jentera penuai padi dari Sekinchan sebelum padi dibawa ke Muar.

Katanya beliau menerima pulangan RM1,400 satu tan berbanding RM1,200 setan jika menjual padi yang diproses menjadi beras.



Bendang padi yang diusahakan Abdul Aziz Abdullah di Kampung Sungai Siput, Lubok Cina.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
30/7/2020	KOSMO	NEGERI	2

Permintaan haiwan korban pada Hari Raya Aidiladha merosot lebih 60 peratus

Penternak sedih lembu tidak laku

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN** dan **NORADILA MAHAMAD**

BENTONG - Kemerletan ibadah korban tahun ini agak suram berbanding tahun-tahun sebelumnya apabila ramai daripada umat Islam memilih untuk menangguhkan ibadah itu susulan pandemik Covid-19.

Paling menarima kesan pastinya penternak lembu apabila haiwan peliharaan mereka kurang mendapat permintaan daripada orang ramai untuk melakukan ibadah korban.

Difahamkan, jumlah permintaan haiwan untuk korban di seluruh negara pada musim Hari Raya Aidiladha tahun ini mengalami kemerosotan sehingga lebih 60 peratus.

Seorang penternak, Zainul Zaman Mahalin, 57, dari Kampung Lebu di sini, berkata, kebiasaannya dia mampu menjual sehingga 70 ekor lembu korban, tetapi kini hanya 15 ekor yang dapat dijual.

Dia yang mempunyai kira-kira 300 ekor lembu pelbagai baka berkata, wabak Covid-19 yang memaksa pelbagai prosedur ditetapkan dalam ibadah korban menyebabkan ramai individu menangguhkan ibadah korban.

"Sejak memernak lembu 25 tahun lalu, tahun ini menyaksikan jualan lembu semasa Hari Raya Aidiladha begitu sedikit sehingga



ZAINUL tetap reda apabila ramai pelanggan terpaksa membatalkan tempahan lembu untuk ibadah korban ekoran pelbagai SOP yang ditetapkan kerajaan akibat pandemik Covid-19.

memberi kesan kepada saya dan juga penternak lembu lain.

"Pelbagai prosedur operasi standard (SOP) yang terpaksa dilaksanakan dalam mengekang wabak Covid-19 menyebabkan ramai menangguhkan ibadah korban, malah terdapat pembeli yang telah membuat tempa-

han membatalkannya pada saat akhir," katanya ketika ditemui di Kampung Lebu di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, wabak Covid-19 yang melanda negara turut memberi kesan kepada pendapatannya apabila orang ramai terpaksa berjimat cermat dalam perbelan-

jan akibat kehilangan pekerjaan.

"Walaupun jualan lembu berkurangan tetapi perbelanjaan bagi memberi makan dan menguruskan haiwan peliharaan itu semakin meningkat dari semasa ke semasa," katanya.

Seorang penduduk, Azrul Rizuan, 34, berkata, keluarganya

yang merancang mengadakan ibadah korban di Chemomol di sini terpaksa membatalkan hasrat tersebut kerana tidak mendapat kebenaran untuk mengadakan korban di rumah.

"Saya bimbang jika ibadah korban di rumah akan menyebabkan penularan wabak Covid-19," katanya.

Di Terengganu, seorang penternak kerbau, Ezri Hisham Abd. Rahman berkata, hanya lima ekor kerbau ternakannya ditempah untuk ibadah korban pada tahun ini berbanding 15 ekor tahun lalu.

"Ramai yang mengambil keputusan menangguhkan hasrat melakukan ibadah korban ekoran pandemik Covid-19.

"Ini pertama kali saya menerima tempahan paling sedikit sejak lima tahun menjadi pembekal haiwan ternakan untuk ibadah korban," katanya.

Di Selangor, Pengerusi Biro Dakwah Surau Al-Amin Seksyen 8, Bandar Baru Bangi, Suhaimi Ramli berkata, pihaknya masih mengekalkan jumlah korban seperti tahun sebelumnya iaitu sebanyak lima ekor.

"Apa yang berbeza mungkin suasananya kerana proses penyembelihan tahun ini dibuat di pusat penyembelihan di Bandar Seri Putra berbanding di kawasan masjid sebelum ini," katanya.